

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

CCV Retail Sdn Bhd (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen (5) Kota Kinabalu bagi dua pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menghalang meter-meter daripada merekodkan dengan sempurna penggunahabisan elektrik. Pada 11 Januari 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan dan Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu telah menjatuhkan hukuman denda RM20,000.00 bagi tiap-tiap pertuduhan dan OKS telah membayar denda tersebut.